

# UMS sasar 8,000 pencari kerja

UB 15-05-2012 B12

**KOTA KINABALU:** Seramai 8,000 orang dijangka memohon pekerjaan yang ditawarkan pada Karnival Kerjaya Kebangsaan anjuran Universiti Malaysia Sabah (UMS) pada 18- 20 Mei ini.

Karnival itu bakal diadakan di Dewan Kuliah Pusat 2 universiti terbabit melibatkan kira-kira 20 agensi kerajaan dan swasta bertaraf multinasional.

Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar & Alumni UMS, Datuk Dr. Kasim Md Mansur, berkata golongan pencari kerja yang disasarkan adalah dari kawasan luar dan pedalaman Sabah.

Menurutnya, karnival ini adalah inisiatif universiti itu bertujuan memberi pendedahan kepada pelajar tahun akhir dan graduan seluruh institusi pengajian tinggi tempatan tentang peluang kerjaya yang terdapat di negara ini.

“Pihak UMS sedar bahawa tanggungjawab sesebuah universiti bukan hanya menyediakan pendidikan tetapi juga berperanan dalam membantu pelajar dan bakal graduan untuk merangka kerjaya mereka selepas menamatkan pembelajaran di universiti.

“Karnival ini juga secara

langsung dapat memberi peluang kepada pelajar tahun akhir dan graduan untuk bersemuka serta berinteraksi dengan syarikat dan agensi luar bagi merasai sendiri pengalaman ditemuduga.

“Selain itu, mereka juga dapat belajar cara-cara menyediakan resume yang berkualiti sekiranya ingin memohon sebarang pekerjaan,” katanya dalam sidang media di universiti itu, kelmarin.

Kasim menambah, pendedahan dan penyampaian maklumat merupakan asas penting dalam meningkatkan keyakinan diri pelajar terutamanya untuk menghadapi temuduga.

Beliau berkata, karnival ini juga menyediakan platform bagi syarikat yang terlibat untuk menemuduga dan merekrut graduan dan pelajar yang berpotensi bagi menyertai organisasi masing-masing.

Antara agensi kerajaan dan swasta yang menyertai karnival ini adalah Maybank, SP Setia, Sabah Forest Industries, Angkatan Hebat, Genius Mind Consultancy (GMC) Malaysia, Shimano Malaysia, dan Tan Chong Group.